| 2.0  | <b>Emphasize</b>                          | 3         |
|      | SKOP PROJEK                               | 3         |
|      | EKOSISTEM SEMASA                          | 4         |
|      | PENYATAAN MASALAH                         | 4         |
|      | MENGENALPASTI PUNCA MASALAH               | 4         |
| 3.0  | <b>Define</b>                             | 5         |
|      | PENETAPAN SASARAN PROJEK                  | 5         |
|      | CADANGAN PENYELESAIAN                     | 6         |
| 4.0  | <b>Ideate</b>                             | 7         |
|      | TINDAKAN PENYELESAIAN                     | 7         |
| 5.0  | <b>Prototaip</b>                          | 8         |
|      | PEMBANGUNAN PROTOTAIP                     | 8         |
| 6.0  | <b>Pengujian</b>                          | 8         |
|      | PENGUJIAN PRODUK 1                        | 8 - 9     |
|      | PENGUJIAN PRODUK 2                        | 10        |
| 7.0  | <b>Keberhasilan Projek</b>                | 11        |
|      | KESAN JANGKA PENDEK                       | 11        |
|      | IMPAK DAN KESAN JANGKA PANJANG            | 12        |
| 8.0  | <b>Tahap Ketersediaan Produk</b>          | 12        |
|      | REPLIKASI DALAMAN PTSN                    | 12        |
|      | REPLIKASI TERHADAP AGENSI LUAR            | 12        |
| 9.0  | <b>Tahap Replikasi dan Pengkomersilan</b> | 13        |
|      | MYIPO                                     | 13        |
|      | LIPUTAN MEDIA                             | 13        |
|      | SURAT/SIJIL PENGHARGAAN                   | 13        |
|      | ANUGERAH                                  | 13        |
|      | PENERBITAN                                | 14        |
| 10.0 | <b>Potensi Pengembangan Projek</b>        | 14        |
|      | LAMPIRAN                                  | 15 - 31   |

## RINGKASAN PROJEK

### EMBEDDED ROBOTIC TEACHING KIT

*Embedded Robotic Teaching Kit* merupakan produk inovasi yang terhasil daripada ciptaan sekumpulan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Petrokimia daripada Program Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Instrumentasi serta Diploma Kejuruteraan Proses. Produk inovasi ini dicipta bagi meningkatkan tahap keyakinan dan kefahaman pelajar dalam menguasai kemahiran teknikal Kursus *Embedded Robotic* di samping dapat membantu meningkatkan kompetensi pensyarah yang mengajar kursus ini.

Ciptaan inovasi ini bermula daripada sesi pemilihan projek melalui kaedah *brainstorming* di mana setiap ahli kumpulan menyumbangkan idea-idea permasalahan yang sering wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ini diikuti dengan proses pemilihan masalah menggunakan Analisis SMART dan Analisis Matriks/Faedah. Melalui dua kaedah ini, masalah yang dikenalpasti adalah Analisis *Course Outcome Review Report* (CORR) tidak mencapai sasaran. Manakala punca masalah pula dikenalpasti melalui analisis ekosistem sedia ada. Pemilihan penyelesaian masalah pula adalah dengan menggunakan kaedah *Brain Writing*. Ini dapat dilaksanakan selepas mengenalpasti sasaran penambahbaikan melalui kaedah kerangka 4 Langkah E.R.R.C. (*Eliminate, Reduce, Raise and Create*).

Beberapa siri ujian dilakukan untuk menguji tahap kebolehfungsian dan rekabentuk telah dijalankan sehingga terhasilnya TIGA (3) idea prototaip dan juga berjaya didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Selain itu produk inovasi ini juga telah berjaya mendapat pengiktirafan Anugerah Emas (*Gold Award*) dalam pertandingan inovasi *International Innovative Competition 2022* (IIC'22) di samping telah mendapat eISBN bagi penerbitan *User Manual DGI40122 Teaching Kit Module*.

*Embedded Robotic Teaching Kit* merupakan alat bantu mengajar dalam kerja praktikal bagi Kursus DGI40122 *Embedded Robotic*. Kit pengajaran ini telah direkabentuk untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran robotik terbenam. Ia terdiri daripada robot mudah alih yang dipasang sendiri oleh pelajar menggunakan beberapa komponen elektrik dan elektronik serta pengaturcaraan C. Gabungan perkakasan dan perisian ini seterusnya dapat meningkatkan kemahiran teknikal pelajar dalam Kursus *Embedded Robotic* iaitu kemahiran pengaturcaraan C, merekabentuk sistem terbenam, aplikasi perisian, pemerhatian keputusan dan pembangunan perkakasan. Produk inovasi ini juga dapat dijadikan sebagai salah satu bahan promosi Politeknik kepada komuniti melalui aktiviti-aktiviti pameran yang dilaksanakan. Ia juga mesra pengguna di mana boleh diubahsuai mengikut isi pengajaran dan fokus pengguna.

## 1.0 PENGENALAN

### PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

Pada 12 Mei 2020, Kumpulan Kita Ada telah dilantik untuk menjalankan satu kajian inovasi bagi memenuhi kerberhasilan projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif seperti mana LAMPIRAN 1. Kumpulan Kita Ada telah mendapat kelulusan jabatan bagi mencipta inovasi Embedded Robotic Teaching Kit. Surat kelulusan untuk melaksanakan projek adalah seperti LAMPIRAN 2.

### LATAR BELAKANG KUMPULAN

Kita Ada terdiri daripada ENAM (6) orang Pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Petrokimia, Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail.



Dari kiri: Zuraini binti Mohd Safuan; Dr. Khairunnisa binti A Rahman; Shamsul bin Mazalan; Tuan Rozilaazawani binti Tuan Mat; Hasyireen binti Abdul Halim dan Siti Nazurah binti Md Zaid

### LOGO KUMPULAN



### INFO KUMPULAN

Jenis Kumpulan : Primer  
Kategori Inovasi : Sosial (Penciptaan)  
Alamat : Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail  
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh  
KM1 Jalan Panchor  
84600 Pagoh, Johor

## 2.0 EMPHATIZE

### SKOP PROJEK

Kumpulan Kita Ada telah memulakan projek dengan merujuk kepada isu pengajaran dan pembelajaran di Jabatan Kejuruteraan Petrokimia, Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail. Dengan pelbagai rungutan rakan pensyarah dalam pencapaian pelbagai sasaran, ia telah memberi cetusan idea untuk memulakan projek ini.

Kemenjadian graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang menjadi teras pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) memfokuskan menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar. Ia seiring dengan agenda negara untuk memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh bagi memastikan graduan IPTA terutama Politeknik dapat menghasilkan tenaga kerja separa profesional dalam bidang TVET negara.

| Kaitan dengan Fungsi Jabatan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | Memenuhi Kehendak Pelanggan                                                                                                                                                                                                                                                    | Kaitan dengan Agenda Nasional                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>Projek ini berkait rapat dengan Misi JPPKK iaitu <b>melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang</b> – menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar</li> <li>Pemberian perkhidmatan separa profesional dilaksanakan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan dalam dasar kualiti (Piagam Pelanggan)</li> </ol>   | <p>Memenuhi kehendak pelanggan (Kerajaan; Kementerian; Industri; Masyarakat; Ibu bapa dan Pelajar) seperti mana yang telah termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (PPPM)</p>  | <p>IPT perlulah mengamalkan pendekatan pengajaran yang sejajar dan sesuai kepada bidang ilmu dan kemahiran yang ditetapkan oleh pernyataan <i>Programme Learning Outcome (PLO)</i> : PPPM (PT) Teras 1 – Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang</p>  |

## EKOSISTEM SEMASA

Berdasarkan ekosistem semasa, pengalaman pembelajaran merangkumi TIGA (3) domain utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Manakala dalam silibus kursus Politeknik, ia diterjemahkan melalui pencapaian Course Learning Outcomes (CLO) dan Programme Learning Outcomes (PLO) perlu melebihi 80% dalam analisis *Course Outcomes Review Report* (CORR). Kursus DG140122 *Embedded Robotic* telah ditetapkan keberhasilannya melalui CLO1 bagi domain kognitif, CLO2 bagi domain psikomotor dan CLO3 bagi domain afektif.

Kursus *Embedded Robotic* diperuntukkan dengan 1 jam kuliah dan 2 jam kerja praktikal setiap minggu selama 14 minggu perkuliahan. Terdapat LIMA (5) kemahiran teknikal yang perlu dikuasai oleh pelajar iaitu kemahiran pengaturcaraan C, merekabentuk sistem terbenam, aplikasi perisian, pemerhatian keputusan dan pembangunan perkakasan.

## PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan pencapaian analisis *Course Outcomes Review Report* Kursus *Embedded Robotic*, CLO2 bagi domain psikomotor mencapai 77% yang mana kurang daripada sasaran 80%. Ini bermakna pelajar kurang menguasai konsep rekabentuk robot mudah alih untuk membina projek mini. Maka PLO2 juga tidak dapat dicapai.

**CLO2P: Construct a mini project based on mobile robot design concept, (P4, PLO4) – Group attainment 77%**

**PLO04: apply appropriate techniques, resources, and engineering tools to well-defined electrical and instrumentation engineering activities for petrochemical plant with awareness of the limitation - Group attainment 77%**

#### 1. COURSE INFORMATION

Programme : i. DEWA  
Class : D00402 - EMBEDDED ROBOTIC  
Course Name : 3. TUAN ROZLAADUNNIR SUYIT TUAN HAT  
Lecturer :  
Number Of Student : 26  
Date :

#### 2. PERFORMANCE INDICATOR

1. Student Performance - % achieving grade C and above.
2. CLO achievement > 50% attainment for CLO's.
3. RLO achievement > 50% attainment for RLO's.
4. Student achieve > 80% - attendance
5. < 30% difference between continuous assessment (CA) and final exam (FE).

TARGET (%)

ACHIEVEMENT

80.0

80.0

#### 3. STUDENT PERFORMANCE

Grade(No. of student)

| A+ | A | A- | B+ | B | B- | C+ | C | C- | D+ | D | D- | E | E- | F | F- |
|----|---|----|----|---|----|----|---|----|----|---|----|---|----|---|----|
| 0  | 0 | 0  | 0  | 0 | 0  | 0  | 0 | 0  | 0  | 0 | 0  | 0 | 0  | 0 | 0  |

#### 4. COURSE LEARNING OUTCOME

|                                                                                      | Group Attainment (%) | Student Achieve >= 50% |
|--------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|------------------------|
| CLO1P: Design, develop, test and evaluate systems in mobile robot design. (P4, PLO4) | 100.0                | 100.0                  |
| CLO2P: Construct a mini project based on mobile robot design concept. (P4, PLO4)     | 77.0                 | 100.0                  |
| CLO3P: Demonstrate optimum in mobile robot mini project presentation. (A5, PLO5)     | 100.0                | 100.0                  |

#### 5. PROGRAMME LEARNING OUTCOME

|                                                                                                                                                                                                                  | Group Attainment (%) | Student Achieve >= 50% |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|------------------------|
| PLO1: Apply knowledge of mathematics, science, engineering fundamentals and social science to well-defined electrical and instrumentation engineering procedures and practices with awareness of the limitation. | 91                   | 100                    |
| PLO2: Apply appropriate techniques, resources, and engineering tools to well-defined electrical and instrumentation engineering activities for petrochemical plant with awareness of the limitation.             | 77                   | 100                    |
| PLO3: Communicate effectively with the engineering community and society at large.                                                                                                                               | 92                   | 100                    |

## MENGENALPASTI PUNCA MASALAH

Berdasarkan pemerhatian dan semakan dokumen Analisis CORR Kursus *Embedded Robotic*, LIMA (5) punca telah dikenalpasti yang menyebabkan berlakunya masalah CORR Kursus *Embedded Robotic* tidak mencapai sasaran iaitu;

- Kerja praktikal dilaksanakan secara simulasi
- Tiada peralatan amali sebagai alat bantu mengajar
- Pencapaian CLO2P dan PLO4 adalah rendah
- Kekurangan pensyarah bidang robotik
- Harga trainer di pasaran adalah tinggi

Jadual 1 menunjukkan analisis punca masalah dan ia juga digambarkan melalui Kanvas Strategi Sedia Ada seperti Rajah 1.

Jadual 1 : Analisis Punca Masalah

| BIL     | PUNCA                           | SEMASA (%) |
|---------|---------------------------------|------------|
| Punca 1 | Kebergantungan kepada trainer   | 100        |
| Punca 2 | Kerja praktikal secara simulasi | 100        |
| Punca 3 | Kos perolehan trainer tinggi    | 100        |
| Punca 4 | Pencapaian CLO2P rendah         | 96         |
| Punca 5 | Kekurangan pensyarah bidang     | 86         |



Rajah 1 : Kanvas Strategi Sedia Ada

### 3.0 DEFINE

#### PENETAPAN SASARAN PROJEK

Kumpulan Kita Ada telah menggunakan kaedah Analisa Kerangka 4 Langkah E.R.R.C. Grid NBOS bagi mengatasi masalah yang diterangkan dalam analisis punca masalah. Rajah 2 menunjukkan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi isu ketiadaan alat bantu mengajar kerja praktikal Kursus *Embedded Robotic*.




Rajah 2 : Kerangka 4 Langkah E.R.R.C. Grid NBOS

Jadual 2 menunjukkan sasaran penambahbaikan yang akan diambil bagi mengatasi punca masalah. Manakala Rajah 2 adalah Kanvas Strategi *To-Be* bagi meneroka idea membangunkan alat bantu mengajar kerja praktikal Kursus *Embedded Robotic*.

Jadual 2 : Sasaran Penambahbaikan

| STRATEGI   | LANGKAH   | PENAMBAHBAIKAN                                                                      | SEMASA (%) | SASARAN | %   |
|------------|-----------|-------------------------------------------------------------------------------------|------------|---------|-----|
| Strategi 1 | Eliminate | Kebergantungan kepada trainer                                                       | 100        | 0       | 100 |
| Strategi 2 | Eliminate | Kerja praktikal secara simulasi                                                     | 100        | 0       | 100 |
| Strategi 3 | Eliminate | Kekurangan pensyarah bidang                                                         | 14         | 7/7     | 100 |
| Strategi 4 | Reduce    | Kos perolehan trainer                                                               | 100        | RM400   | 40  |
| Strategi 5 | Raise     | Pencapaian CLO2P rendah                                                             | 96         | 100     | 100 |
| Strategi 6 | Create    | Teroka idea menyediakan alat bantu mengajar kerja praktikal Kursus Embedded Robotic |            |         |     |



Rajah 3 : Kanvas Strategi To-Be

### CADANGAN PENYELESAIAN

Teknik *brain writing* telah digunakan bagi mengenalpasti cadangan penyelesaian. Rajah 4 menunjukkan ENAM (6) cadangan penyelesaian bagi mengatasi punca masalah ketiadaan alat bantu mengajar bagi kerja praktikal Kursus *Embedded Robotic* yang boleh meningkatkan pencapaian CORR Kursus *Embedded Robotic*.



Rajah 4 : Teknik *brain writing* bagi mengenalpasti cadangan penyelesaian

Bagi memilih cadangan penyelesaian masalah yang terbaik dan berpotensi, analisis matrik berkriteria dijalankan. Jadual 3 menunjukkan membangunkan trainer dipilih sebagai cadangan penyelesaian masalah.

Jadual 3 : Analisis Matrik Berkriteria


| Bil | Cadangan Penyelesaian Masalah     | Berkaitan dengan matlamat jabatan (x5) | Berkaitan Aktiviti (x4) | Dalam keupayaan kumpulan (x3) | Data mudah dikumpulkan (x2) | Kos dapat diukur/dinilai (x1) | Markah | Ranking |
|-----|-----------------------------------|----------------------------------------|-------------------------|-------------------------------|-----------------------------|-------------------------------|--------|---------|
| 1   | Jalankan amali di politeknik lain | 5 x 5 = 25                             | 3 x 4 = 12              | 3 x 3 = 9                     | 1 x 3 = 3                   | 5 x 1 = 5                     | 54     | 5       |
| 2   | <b>Bangunkan trainer</b>          | 5 x 5 = 25                             | 5 x 5 = 25              | 5 x 5 = 25                    | 5 x 5 = 25                  | 5 x 5 = 25                    | 100    | 1       |
| 3   | Pinjam trainer politeknik lain    | 5 x 5 = 25                             | 3 x 4 = 12              | 3 x 3 = 9                     | 3 x 3 = 9                   | 2 x 1 = 2                     | 57     | 4       |
| 4   | Sewaan trainer                    | 5 x 5 = 25                             | 2 x 4 = 8               | 3 x 3 = 9                     | 3 x 3 = 9                   | 5 x 1 = 5                     | 56     | 3       |
| 5   | Belian trainer                    | 5 x 5 = 25                             | 3 x 4 = 12              | 1 x 3 = 3                     | 1 x 3 = 3                   | 5 x 1 = 5                     | 48     | 6       |
| 6   | Lawatan akademik                  | 5 x 5 = 25                             | 3 x 4 = 12              | 3 x 3 = 9                     | 3 x 3 = 9                   | 5 x 1 = 5                     | 60     | 2       |

5 = Sangat Penting

3 = Penting

1 = Kurang Penting

Oleh itu, pemilihan projek adalah membangunkan alat bantu mengajar kerja praktikal Kursus *Embedded Robotic* bagi meningkatkan pencapaian CORR Kursus *Embedded Robotic*.



## 4.0 IDEATE


### TINDAKAN PENYELESAIAN

Rajah 5 menunjukkan hasil percambahan idea ahli kumpulan Kita Ada, idea kreatif diterjemahkan dalam kanvas 5W1H.



Rajah 5 : Idea pembangunan alat bantu mengajar kerja praktikal Kursus *Embedded Robotic*







42

Rajah 7: Purata Skor Min Sebelum dan Selepas Melaksanakan Kerja Praktikal


## TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN PRODUK 1

Pembangunan siri kerja praktikal sebagai manual kepada kit pengajaran – *User Manual* dan *Instructor Manual*



## PENGUJIAN PRODUK 2

Produk ini juga telah diuji ke atas pelajar Semester 4 DEI Sesi II 2022/2023 dengan kaedah pengujian menggunakan soal selidik sebelum dan selepas melaksanakan kerja praktikal serta dianalisis dengan kaedah statistik deskriptif.



Jadual 4: Skor Min Sebelum/Selepas dan Tahap Keyakinan/Kefahaman

| No.                  | Skor Min Sebelum | Sisihan Piawai | Tahap Keyakinan/<br>Kefahaman | Skor Min Selepas | Sisihan Piawai | Tahap Keyakinan/<br>Kefahaman |
|----------------------|------------------|----------------|-------------------------------|------------------|----------------|-------------------------------|
| A1                   | 1.85             | .566           | Rendah                        | 4.42             | .502           | Tinggi                        |
| A2                   | 1.64             | .549           | Rendah                        | 4.42             | .502           | Tinggi                        |
| A3                   | 1.73             | .517           | Rendah                        | 4.36             | .489           | Tinggi                        |
| A4                   | 1.82             | .584           | Rendah                        | 4.30             | .529           | Tinggi                        |
| B1                   | 1.67             | .540           | Rendah                        | 4.36             | .549           | Tinggi                        |
| B2                   | 1.73             | .574           | Rendah                        | 4.36             | .489           | Tinggi                        |
| B3                   | 1.76             | .561           | Rendah                        | 4.48             | .508           | Tinggi                        |
| B4                   | 1.76             | .561           | Rendah                        | 4.39             | .496           | Tinggi                        |
| C1                   | 1.70             | .529           | Rendah                        | 4.36             | .489           | Tinggi                        |
| C2                   | 1.82             | .465           | Rendah                        | 4.42             | .502           | Tinggi                        |
| C3                   | 1.67             | .540           | Rendah                        | 4.39             | .496           | Tinggi                        |
| D1                   | 1.70             | .529           | Rendah                        | 4.45             | .506           | Tinggi                        |
| D2                   | 1.85             | .667           | Rendah                        | 4.45             | .506           | Tinggi                        |
| D3                   | 1.76             | .502           | Rendah                        | 4.39             | .556           | Tinggi                        |
| D4                   | 1.79             | .600           | Rendah                        | 4.42             | .502           | Tinggi                        |
| E1                   | 1.73             | .517           | Rendah                        | 4.42             | .502           | Tinggi                        |
| E2                   | 1.70             | .529           | Rendah                        | 4.24             | .663           | Tinggi                        |
| E3                   | 1.70             | .585           | Rendah                        | 4.27             | .517           | Tinggi                        |
| E4                   | 1.76             | .561           | Rendah                        | 4.24             | .502           | Tinggi                        |
| F1                   | 1.76             | .561           | Rendah                        | 4.39             | .496           | Tinggi                        |
| F2                   | 1.73             | .574           | Rendah                        | 4.48             | .508           | Tinggi                        |
| F3                   | 1.73             | .574           | Rendah                        | 4.36             | .489           | Tinggi                        |
| Skor Min Keseluruhan | 1.74             |                | Rendah                        | 4.38             |                | Tinggi                        |

Jadual 5: Skor Min Keseluruhan Kemahiran Teknikal Kursus *Embedded Robotic*

| No. | Kemahiran Teknikal                                              | Skor Min | Tahap Keyakinan/ Kefahaman | Kajian Sorotan                                                                                                                                                                                                                              |
|-----|-----------------------------------------------------------------|----------|----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Keseluruhan kemahiran pengaturcaraan C                          | 4.39     | Tinggi                     | Kerja praktikal dapat membantu pelajar kejuruteraan dan pendidikan teknikal untuk mendalami pengetahuan dan pengalaman teknikal dalam pengaturcaraan dan penggunaan mikropengawal PIC dalam pelbagai robotik terbenam (Asad et al., 2014)   |
| 2   | Keseluruhan kemahiran pembangunan perkakasan                    | 4.36     | Tinggi                     | Setiap perkakasan yang digunakan oleh responden memberi pengaruh besar dalam pengalaman pembelajaran mereka (Kramer dan Anderson, 2011)                                                                                                     |
| 3   | Keseluruhan kemahiran merekabentuk sistem terbenam              | 4.41     | Tinggi                     | Kerja praktikal adalah kunci kepada pelajar untuk menguasai kemahiran merekabentuk sistem terbenam (Ping, 2008)                                                                                                                             |
| 4   | Keseluruhan kemahiran pemerhatian keputusan                     | 4.35     | Tinggi                     | Platform kerja praktikal memberi peluang kepada pelajar untuk membuat pemerhatian terhadap hubungan dan kebergantungan pelbagai keputusan (Smith et al., 2004)                                                                              |
| 5   | Keseluruhan kemahiran aplikasi perisian                         | 4.40     | Tinggi                     | Proses pembelajaran sistem terbenam telah dikonsepkan melalui rekabentuk perkakasan dan perisian (Tabel, 2015)                                                                                                                              |
| 6   | Skor min keseluruhan kemahiran teknikal Kursus Embedded Robotic | 4.38     | Tinggi                     | Pembelajaran berasaskan projek telah memberi impak yang besar terhadap pengetahuan pelajar tentang prinsip asas yang diajar dalam kursus, dan ia membenarkan pelajar menggunakan bahan ini pada aplikasi dunia sebenar (Chi dan City, 2022) |

## 7.0 KEBERHASILAN PROJEK

### KESAN JANGKA PENDEK

Penghasilan *Embedded Robotic Teaching Kit* telah berjaya mengatasi punca ketiadaan alat bantu mengajar kerja praktikal Kursus *Embedded Robotic*.

| PUNCA                                                                | SEBELUM                                                                                                                  | SELEPAS                                                                                                   |
|----------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kerja praktikal Kursus Embedded Robotic dilaksanakan secara simulasi | 6 siri kerja praktikal dijalankan secara simulasi.                                                                       | 6 siri kerja praktikal dijalankan secara teknikal.                                                        |
| Kekurangan pensyarah bidang robotik                                  | 6/7 pensyarah yang mengajar tiada pengetahuan dan kemahiran dalam pengaturcaraan robotik.                                | 7/7 pensyarah yang mengajar ada pengetahuan dan kemahiran dalam pengaturcaraan robotik.                   |
| Tiada alat bantu mengajar kerja praktikal                            | Tiada alat bantu mengajar kerja praktikal Kursus <i>Embedded Robotic</i> .                                               | Bangunkan kit pengajaran.                                                                                 |
| Pencapaian CORR bagi CLO2P rendah                                    | Pencapaian CORR bagi CLO2P kurang 80%.                                                                                   | Pencapaian CORR bagi CLO2P melebihi 80%.                                                                  |
| Harga trainer di pasaran adalah tinggi                               | Kos perolehan trainer sedia ada di pasaran amat tinggi dengan anggaran harga RM1000 seunit.                              | Kos pembangunan kit adalah RM400.                                                                         |
| Kebergantungan kepada trainer                                        | Kebergantungan kepada trainer <i>Embedded Robotic</i> sedia ada di pasaran yang tidak memenuhi keperluan silibus semasa. | Kit pengajaran yang dibangunkan memenuhi keperluan silibus semasa dan boleh diubah dari semasa ke semasa. |

## IMPAK DAN KESAN JANGKA PANJANG

1. Digunakan sebagai alat bantu mengajar Kursus DGI40122 *Embedded Robotic* di PTSN dan dapat meningkatkan pencapaian CORR. (LAMPIRAN 3)
2. Penerbitan *User Manual DGI40122 Teaching Kit Module*. (LAMPIRAN 6)
3. Hasil kajian keberkesanan produk dibentangkan dalam *International TVET Academic and Research Symposium 2022 & 2023*. (LAMPIRAN 11-12)
4. Pelajar DEI mengaplikasi pengawalmikro dan pengaturcaraan C dalam Projek Akhir. (LAMPIRAN 13-15)

## 8.0 TAHAP KETERSEDIAAN PRODUK

### REPLIKASI DALAMAN PTSN

1. Pengesahan penggunaan *Embedded Robotic Teaching Kit* sebagai alat bantu mengajar Kursus DGI40122 *Embedded Robotic* (LAMPIRAN 3)
2. Pameran Robotik Sempena Hari Terbuka PTSN pada 14 September 2022
3. Rujukan Asas dalam Projek Akhir Pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Instrumentasi (DEI)

### REPLIKASI TERHADAP AGENSI LUAR

1. Pameran Robotik Sempena Hari Keusahawanan SK Parit Yusoff Muar pada 25 September 2022
2. Pameran Robotik Sempena Sambutan Hari Belia Negara 2022 Peringkat Negeri Johor pada 28-30 Oktober 2022 bertempat di Dataran Tanjung Emas, Muar
3. Pameran Robotik Sempena Karnival Pengajian Tinggi Keluarga Malaysia pada 3-4 November 2022
4. Pameran Robotik Sempena Program CEO@PolyCC di Dewan Serbaguna HPTP 21 Mac 2023
5. Program Mini Teater STEM Johor bagi SMK Tunku Putra, Batu Pahat, Johor. Program 3 tahun melibatkan Persatuan STEM Kebangsaan, Kerajaan Negeri Johor dan IPTA Johor
6. Persetujuan Menjalinkan Kerjasama Antara Pencipta Inovasi dengan FSS Technologies Sdn. Bhd. (LAMPIRAN 15)

| Bil | Program/Aktiviti                                                                                          | Tempat                      | Tarikh             | Bil. Penyertaan |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|--------------------|-----------------|
| 1   | Pameran robotik sempena Hari Keusahawanan                                                                 | SK Parit Yusoff Muar        | 25 September 2022  | 30              |
| 2   | Pameran robotik sempena Sambutan Hari Belia Negara 2022 Peringkat Negeri Johor                            | Dataran Tanjung Emas, Muar  | 28-30 Oktober 2022 | 40              |
| 3   | Pameran robotik sempena Karnival Pengajian Tinggi Keluarga Malaysia                                       | Parit Sulong, Batu Pahat    | 3-4 November 2022  | 40              |
| 4   | Pameran robotik sempena Program CEO@PolyCC                                                                | Dewan Serbaguna HPTP        | 21 Mac 2023        | 95              |
| 5   | Program Mini Teater STEM Johor melibatkan Persatuan STEM Kebangsaan, Kerajaan Negeri Johor dan IPTA Johor | SMK Tunku Putra, Batu Pahat | Program 3 tahun    | 10              |
| 6   | Persetujuan Menjalinkan Kerjasama Antara Pencipta Inovasi dengan FSS Technologies Sdn Bhd                 |                             | September 2023     |                 |

## 9.0 TAHAP REPLIKASI DAN PENGKOMERSILAN

### MYIPO

Memperolehi Sijil Pendaftaran Harta Intelek : LY2022M04096  
*DGI40122 Teaching Kit Module (LAMPIRAN 4)*

### LIPUTAN MEDIA

1. Jadikan penyelidikan, inovasi sebagai budaya (BH Online) – LAMPIRAN 8
2. Pasukan Robotik PTSN di Hari Keusahawanan Sekolah Kebangsaan Parit Latiff, Muar (LAMPIRAN 8)

### SURAT/SIJIL PENGHARGAAN

1. Sijil Penghargaan Sambutan Hari Belia Negara 2022 Peringkat Negeri Johor daripada Jabatan Belia dan Sukan Negara (LAMPIRAN 9)
2. Surat Penghargaan dari Pengarah PTSN (LAMPIRAN 16)
3. Sijil Penghargaan sebagai Pembentang dalam *International TVET Academic and Research Symposium 2022* (LAMPIRAN 12)
4. Sijil Penghargaan sebagai Pembentang dalam *International TVET Academic and Research Symposium 2023* (LAMPIRAN 11)

### ANUGERAH

1. Anugerah Emas (*Gold Awards*) dalam pertandingan inovasi *International Innovative Competition (IIC'22)* Kategori *Professional (Teaching & Learning)* – LAMPIRAN 5
2. Sijil Penganugerahan Emas/Perak/Gangsa *Sustainable Innovation & Engineering Technology Exhibition* (LAMPIRAN 13-15)

#### **PENERBITAN**

1. *User Manual DGI40122 Teaching Kit Module Embedded Robotic* (eISBN 978-967-2736-13-4) – LAMPIRAN 6
2. *eProceeding International TVET Academic and Research Symposium 2022* (eISBN 978-967-18231-1-8) - LAMPIRAN 7
3. *eProceeding International TVET Academic and Research Symposium 2023* (eISBN 978-967-18231-1-8) - LAMPIRAN 16

## **10.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK**

1. Diaplikasikan dalam Program Mini Teater STEM Johor di SMK Tunku Putra, Batu Pahat. (LAMPIRAN 10)
2. Diaplikasikan dalam Program Pembelajaran Sepanjang Hayat yang menyokong IR4.0.
3. Bahan promosi booth pameran untuk menarik minat lepasan SPM memilih Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Instrumentasi (DEI) sebagai pilihan pertama.
4. Berpotensi untuk dikomersilkan sebagai kit asas robotik menggunakan pengawalmikro Arduino R3 dan pengaturcaraan C.
5. Kit boleh diubahsuai isi pengajaran bergantung kepada penggunaan dan fokus peserta.

## **LAMPIRAN**

LAMPIRAN 1



**POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
 Hab Pendidikan Tinggi Pagoh  
 KM1, Jalan Panchor  
 84600 Pagoh Muar  
 JOHOR DARUL TAKZIM



☎ : 06-974 2288  
 🖨 : 06-974 2395  
 Website : [www.ptsn.edu.my](http://www.ptsn.edu.my)

Rujukan Kami: PTSN/UPI/600-10/2/6 (11)  
 Tarikh : 12 Mei 2020

**TUAN ROZILAAZAWANI BINTI TUAN MAT (KETUA KUMPULAN)**  
**DR. KHAIRUNNISA BINTI A. RAHMAN**  
**PN. SITI NAZURAH BINTI MD ZAID**  
**PN. ROZIEANA BINTI ABU**  
**PN. HASYIREEN BINTI ABDUL HALIM**

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF HORIZON BAHARU (KIKHB) POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan YBrs. Dr./Tuan/Puan dilantik sebagai Ahli Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu (KIKHB) bagi tahun 2020 mewakili jabatan dan unit masing-masing.
3. Objektif utama KIKHB ini diadakan adalah bagi menambahbaikkan lagi kualiti dan produktiviti kerja dalam kalangan penjawat awam dan seterusnya memperkasakan budaya kerja secara inovatif dan kreatif khususnya dalam sistem inovasi penyampaian perkhidmatan atau inovasi penciptaan produk.
4. Pelantikan ini adalah berdasarkan keyakinan pihak politeknik terhadap komitmen dan kemampuan YBrs. Dr./Tuan/Puan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Sehubungan dengan itu, diharapkan YBrs. Dr./Tuan/Puan dapat memberikan komitmen yang sewajarnya agar segalanya berjalan dengan lancar. Komitmen dan tanggungjawab daripada YBrs. Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
**(ABD RAZAK BIN SENAN)**  
 Pengarah  
 Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

**POLITEKNIK MENTRANSFORMASI KEHIDUPAN**

LAMPIRAN 2



**POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL**  
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**  
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh  
KM1, Jalan Panchor  
84600 Pagoh Muar  
JOHOR DARUL TAKZIM



: 06-974 2288  
: 06-974 2395  
Website : [www.ptsn.edu.my](http://www.ptsn.edu.my)

Rujukan Kami: PTSN/UPI/600-10/2/6 (16)  
Tarikh : 15 Ogos 2022

**PN. TUAN ROZILAAZAWANI BINTI TUAN MAT (KETUA KUMPULAN)**  
**DR. KHAIRUNNISA BINTI A. RAHMAN**  
**EN. SHAMSUL BIN MAZALAN**  
**PN. SITI NAZURAH BINTI MD ZAID**  
**PN. ZURAINI BINTI MOHD SAFUAN**  
**PN. HASYIREEN BINTI ABDUL HALIM**

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**KEBENARAN DAN KELULUSAN MENJALANKAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF HORIZON BAHARU KEPADA KITA ADA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Tahniah. Sukacita dimaklumkan pihak pengurusan Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail bersetuju dan sedia memberikan kebenaran dan kelulusan perlaksanaan projek KIKHB YBrs. Dr./tuan/puan bertajuk **Embedded Robotic Teaching Kit**.
